



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MESYUARAT PEGAWAI-PEGAWAI KANAN PERJANJIAN
COMPREHENSIVE AND PROGRESSIVE AGREEMENT FOR TRANS-PACIFIC PARTNERSHIP
KALI KE-TIGA
BANDAR SERI BEGAWAN, BRUNEI DARUSSALAM
22-23 JULAI 2024**

1. Mesyuarat Pegawai-Pegawai Kanan bagi Perjanjian Comprehensive and Progressive for Trans-Pacific Partnership kali ke-tiga (CPTPP SOM3) telah diadakan pada 22 hingga 23 Julai 2024 bertempat di Indera Samudera Grand Hall, The Empire Brunei .
2. Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan daripada Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, New Zealand, Peru, Republik Singapura, Republik Sosialis Viet Nam dan United Kingdom. Turut hadir mengikuti persidangan berkenaan secara maya adalah perwakilan daripada Mexico.
3. Mesyuarat CPTPP 2024 telah dipengerusikan oleh Yang Mulia Tuan Bruce Christie, Penolong Timbalan Menteri, Dasar Perdagangan dan Rundingan Hal Ehwal Global Kanada. Perbincangan berkenaan telah tertumpu mengenai kemajuan isu-isu yang berkaitan pelaksanaan perjanjian beserta merebiu perkembangan *General Review* Perjanjian CPTPP.
4. Yang Mulia Puan Dr. Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin, Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku pegawai kanan mewakili Negara Brunei Darussalam , mengalu-alukan perkembangan baik dalam pelaksanaan perjanjian CPTPP dan turut memaklumkan sokongan penuh Negara Brunei Darussalam terhadap keutamaan Pengerusi Kanada dalam usaha kearah peningkatan penggunaan Perjanjian CPTPP serta memanfaatkan peluang-peluang perdagangan dan pelaburan.
5. Perjanjian CPTPP ini merupakan perjanjian perdagangan bebas yang telah ditandatangani oleh 12 buah negara yang terdiri daripada Australia, Brunei Darussalam, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Republik Singapura dan Republik Sosialis Viet Nam dan United Kingdom.

-TAMAT-

Disediakan oleh: Bahagian Perdagangan, Kementerian Kewangan dan Ekonomi
E-mel: BruneiCPTPP@mofe.gov.bn

Rujukan: KKW/TD/CPTPP:4
Tarikh: 17 Muharram 1446 / 23hb Julai 2024

